UCAPAN ULUNG

YB DATO' SERI UTAMA DR. RAIS YATIM
MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

PERHIMPUNAN BULANAN
DI BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD
PADA 16 APRIL 2009 (KHAMIS)

Banyaklah piah di tepi kolam,

Dijadikan pagar di tengah kota ,

Kata Bismillah penanya alam,

Kata nan dua semua berbahagia,

Selamat pagi dan salam ditujukan kepada semua khususnya rakan-rakan, YB Timbalan Menteri, Dato' Joseph Salang Gandum, YB Sanator Heng Sai Kie, Ketua Setiausaha, Dato' Kamaruddin Siaraf, Datuk Dr. Muzahet b. Masruri, Ketua-ketua Jabatan, Setiausaha-setiausaha Bahagian dan saudara saudari sekalian yang di bawah piagam kewangan kerajaan Malaysia yang baru-baru ini dicantumkan di bawah naungan Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.

Saudara saudari,

Berhimpun kita di petak Sultan Abdul Samad adalah atas dasar satu tradisi iaitu tradisi yang telah dicetuskan ideanya oleh Kerajaan Malaysia sendiri. Tradisi ini kita adakan dengan bersusah payah yang di hujung ke laut ke pangkal yang di tengah berhimpun. Sesungguhnya, kita ketahui pagi ini untuk menunaikan mengakrabkan persahabatan di bawah anjuran kementerian yang baru.

Sekali air bah sekali pantai berubah. Perubahan ini kita harapkan dijadikan perubahan yang membawa kita kepada lebih kebahagiaan, lebih pencapaian dan lebih produktiviti. Kakitangan Perkhidmatan Awam sahaja jumlahnya lebih daripada sejuta orang. Di Tanah Air yang mencerminkan sebuah gagasan yang amat besar sama ada, ianya mencerminkan lirik lagu Perkhidmatan Awam tadi atau pengertian di bawah kesedaran ianya tetap menyumbang kepada sesuatu yang sangat murni, tetapi pengurniaan ini sukar bagi kita untuk menghayati begitu saja.

Lantaran itu, anjuran seperti ini yang kita laksanakan paling sebulan sekali wajar kita pupuk dengan semangat yang telah dicalonkan kita untuk menjayakan. Walaupun pada pagi ini tidak menjadi hajat kepada saya berceramah panjang tetapi, lantaran tugas yang telah ditonggokkan di atas bahu setiap Menteri untuk menyampaikan sesuatu pembentuk dasar dan pesanan, saya juga tidak terkeluar daripada golongan tersebut.

Justeru itu, ada 4 perkara yang telah diminta oleh YAB Perdana Menteri bagi kita menjayakan sebagai satu sifat:-

Pertama	**:**	**Integriti**
Kedua	**:**	**Kebolehan**
Ketiga	**:**	**Kesetiaan**
Keempat	**:**	**Perkara yang berkaitan dengan apa yang bersangkutan dengan perkhidmatan di sini iaitu kenegaraan dan kebangsaan**

Orang Melayu berkata Negara Bangsa Melayu itu mesti dibina dengan kekuatan tersendiri. Petua demi petua diwujudkan oleh pemimpin daripada Islam Hadhari kepada Wawasan 2020 yang mana Wawasan 2020 kepada Satu Malaysia. Kita tidak sunyi daripada ini. Apabila diadakan slogan yang suka pun ada yang tak suka pun ada. Apabila diwujudkan Dasar Wawasan 2020 Negara Maju

menjelang tahun tersebut ada saja yang mengkritik. Islam Hadhari ada juga yang mengkritik apatah lagi Satu Malaysia yang telah dibahaskan oleh YAB Perdana Menteri kita yang ke-enam.

Saudara saudari,

Anda telah melihat seseorang yang telah berkhidmat semasa 5 orang Perdana Menteri, kalau saya pejamkan mata saya boleh ingat apa Tun Razak berkata iaitu, **"inti perjuangan".** Begitu juga dengan Tun Hussien Onn, apatah lagi Tun Mahadhir, begitu juga Pak Lah sekarang Tun Abdullah dan YAB Dato' Seri Mohd Najib anakanda Tun Razak.

Percaya atau tidak orang-orang sebarisan ini dikritik zaman, pemimpin-pemimpin seperti ini walaupun dihalakan kepada mereka perkataan-perkataan tajam, Malaysia sudah kita bangunkan dengan pimpinan ini dan Malaysia telah kita wujudkan dengan cara kita berkhidmat seperti ini. Saudari-saudari kita pohon untuk hanya menghayati.

Saya ingin melihat semua berfikir. Kita sebagai warga Perkhidmatan Awam mencetuskan minda kita mencari yang terbaik.

Ribut-ribut di Mentakab
Jatuh sebiji buah berangan
Berebut-rebut kita bercakap
Ini adalah perjuangan

Sekarang kita di bawah Kementerian baru, dahulu Kementerian Penerangan kini Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Alhamdulillah, saya telah berjumpa dengan YAB Perdana Menteri dan mohon dipendekkan dari Kementerian Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan menjadi

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) dan beliau telah bersetuju. Di bawah budaya ada seni, di bawah budaya ada warisan, di bawah budaya ada kraf, di bawah budaya ada bahasa, di bawah budaya ada muzium dan juga muzik.

Saya memohon dengan struktur yang ada ini mungkin kerajaan kita mengubah sedikit sebanyak tapi sistem kerja kita sama. Dalam kehidupan naungan *rood ramble,* untuk menentukan tahap kerja kita. Empat perkara tadi mari kita laksanakan dan pelaksanaan itu kita akan laksanakan dengan mengagih kepada setiap bahagian .

Sekian terima kasih.